



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
NEGERI PERAK**

**PEPERIKSAAN PERNILAIAN BERSAMA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Ogos

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda pada Kertas Helaian Tambahan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Bersama-sama dengan kertas soalan ini, calon diberi alat tulis perakaunan berikut:*

<i>Buku Tunai Tiga Ruangan</i>	<i>2 helai</i>
<i>Jurnal</i>	<i>2 helai</i>
<i>Lejar</i>	<i>5 helai</i>
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
8. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.*
9. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
10. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak.

Bahagian A
[68 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Pada 1 Jun 2010, Encik Abdul Rahman memulakan perniagaan Pusat Jam Arman yang membekalkan pelbagai jenis jam di Teluk Intan, Perak. Modal perniagaannya terdiri daripada wang tunai di bank RM30 000 dan perabot RM6 500.

Urus niaga Pusat Jam Arman sepanjang bulan Jun 2010 ditunjukkan oleh dokumen perniagaan seperti dalam Lampiran A.

- (a) Catatkan urus niaga tersebut dalam buku catatan pertama yang sesuai.
(Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak diterima)

[10 ½ markah]

- (b) Pindahkan catatan daripada buku catatan pertama ke lejar.

[10 ½ markah]

- (c) Imbangkan akaun dan sediakan Imbangan Duga pada 30 Jun 2010.

[7 markah]

- 2 Ainna, Amir dan Ani adalah rakan kongsi dalam Perkongsian Ukhwah yang beroperasi dalam penjualan barangan pengguna.

Maklumat kewangan Perkongsian Ukhwah bagi tahun berakhir 31 Mac 2010 adalah seperti berikut:

	RM	RM
Kenderaan (kos)	60 000	
Alatan Pejabat (kos)	10 800	
Penghutang dan Pemiutang	7 900	7 000
Bank	8 160	
Tunai	1 295	
Peruntukan susut nilai 1 April 2009:		
Kenderaan		12 000
Alatan Pejabat		1 080
Pinjaman berkadar faedah 10% (matang pada 31 Disember 2010)		8 000
Peruntukan hutang ragu 1 April 2009		550
Modal pada 1 April 2009:		
Aina		20 000
Amir		20 000
Ani		10 000
Akaun Semasa pada 1 April 2009		
Aina		2 510
Amir	640	
Ani		1 300
Ambilan bagi tahun berakhir 31 Mac 2010:		
Aina: 1 Oktober 2009	3 000	
Amir : 1 Julai 2009	2 000	
Ani : 1 Oktober 2009	2 000	
Gaji Aina	8 800	
Untung kasar bagi tahun berakhir 31 Mac 2010		42 925
Faedah atas pinjaman	480	
Komisen		1 100
Kadar bayaran	2 870	
Sewa	4 800	
Belanja am	4 640	
Stok akhir barang niaga	8 500	
Stok alat tulis 1 April 2009	155	
Belian alat tulis	425	

Ikatan perkongsian perniagaan ini menetapkan perkara berikut:

- (i) Untung atau rugi dibahagikan antara Aina, Amir dan Ani mengikut nisbah modal pada 1 April 2009
- (ii) Faedah atas modal 4% setahun
- (iii) Faedah atas ambilan 7% setahun
- (iv) Aina layak diberi gaji RM900 sebulan

Maklumat tambahan pada 31 Mac 2010:

- (a) Polisi susut nilai Perkongsian Ukhwah:
 - Kenderaan : 20% mengikut kaedah baki berkurangan
 - Alatan Pejabat : 10% mengikut kaedah garis lurus
- (b) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas baki penghutang.
- (c) Stok alat tulis pada 31 Mac 2010 dinilai sebanyak RM210.
- (d) Komisen terakru RM215.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (i) Penyata Untung Rugi dan Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2010. [10 markah]
- (ii) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan) [2 markah]
- (iii) Kunci Kira-kira pada 31 Mac 2010. [8 markah]

3. Puan Nancy, pemilik Kedai Alatulis Nancy tidak menyimpan rekod perniagaannya mengikut sistem catatan bergu. Semua penerimaan dan pembayaran perniagaannya dibuat melalui bank.

Ringkasan penyata bank tahunan yang diterima pada 30 April 2010 menunjukkan urus niaga berikut:

<u>Penerimaan</u>	RM
Terimaan daripada penghutang	86 550
Faedah Simpanan Tetap	200
 <u>Pembayaran</u>	
Gaji pekerja	14 600
Sewa	1 045
Belanja kenderaan	1 725
Ambilan	5 270
Belanja am	4 202
Bayaran kepada pemiutang	55 700

Maklumat mengenai baki-baki aset dan liabiliti pada 30 April 2009 dan 30 April 2010 adalah seperti berikut:

	30 April 2009	30 April 2010
	RM	RM
Kenderaan (pada nilai buku)	52 250	48 500
Bank	963	21 979
Penghutang	4 290	5 425
Pemiutang	3 718	4 532
Stok	4 400	4 950

Maklumat berikut juga didapati pada 30 April 2010:

- i. Sewa belum dibayar RM480.
- ii. Belanja am terdahulu RM935.

Anda dikehendaki :

- (a) menghitung modal awal Kedai Alatulis Nancy. [2 markah]
- (b) menghitung jumlah jualan bagi tahun berakhir 30 April 2010. [1 markah]
- (c) menghitung jumlah belian bagi tahun berakhir 30 April 2010. [1 markah]
- (d) menyediakan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 April 2010. [6 markah]

4. Maklumat berikut diperolehi daripada dua buah perniagaan yang menjalankan perniagaan barangan plastik di sekitar pekan Bercham, Ipoh pada 31 Mei 2010.

Perniagaan Indah Seri	
	RM
Stok 1 Jun 2009	5 400
Stok 31 Mei 2010	5 800
Modal 1 Jun 2009	11 000
Belian	7 600
Pelbagai belanja	600
Untung kasar	2 800

Perniagaan Indah Ceria	
Margin untung kasar	20%

- (a) Anda dikehendaki menghitung perkara-perkara berikut bagi Perniagaan Indah Seri.
- (i) Kos jualan [2 markah]
 - (ii) Jualan [2 markah]
 - (iii) Margin untung kasar [2 markah]
 - (iv) Pulangan atas modal [2 markah]
- (b) Prestasi perniagaan manakah yang lebih baik? [1 markah]
- (c) Bagaimanakah perniagaan di atas dapat meningkatkan margin untung kasar? [1 markah]

Bahagian B
[12 markah]

Jawab satu soalan sahaja.

- 5 Butir-butir berikut dipetik daripada buku-buku Syarikat Permai Jati Berhad pada 1 Januari 2009.

Modal Berdaftar

2 000 000 8% saham keutamaan RM2 setiap satu

1 000 000 saham biasa RM1 setiap unit

Modal Diterbitkan dan Berbayar

2 000 000 8% saham keutamaan RM2 setiap satu

800 000 saham biasa RM1 setiap unit

Pada 1 Februari 2009, syarikat telah menerbitkan 100 000 saham biasa kepada orang ramai pada nilai tara. Pada tarikh tutup permohonan iaitu 15 Mac 2009, semua saham yang telah diterbitkan, telah dipohon beli dan dibayar penuh.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, syarikat telah memperoleh keuntungan bersih sebanyak RM86 000.

Lembaga Pengarah telah memutuskan perkara berikut:

- (i) membayar dividen atas saham keutamaan
- (ii) membayar 6% dividen atas saham biasa

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan catatan jurnal untuk merekodkan terbitan saham biasa. [5 markah]
- (b) Menghitung:
 - (i) dividen atas saham keutamaan
 - (ii) dividen atas saham biasa [2 markah]
- (c) Menunjukkan bahagian modal dalam Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2009. [3 markah]
- (d) Berikan dua perbezaan antara saham biasa dengan saham keutamaan. [2 markah]

6. Kunci Kira-kira Perniagaan Malia pada 30 Jun 2010 adalah seperti berikut:

Perniagaan Malia			
Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2010			
	RM		RM
Perabot	14 200	Modal	35 000
Penghutang	7 500	Untung Bersih	4 520
Stok	12 350	Pemiutang	5 120
Bank	8 540	Kadar bayaran terakru	200
Tunai	2 250		
	44 840		44 840
	44 840		44 840

Urus niaga Perniagaan Malia dalam bulan Julai 2010 adalah seperti berikut:

- (i) Perabot bernilai RM1 560 dijual dengan harga RM1 200. Cek yang diterima dibankkan.
 - (ii) Satu perlima daripada stok dijual secara kredit pada harga RM3 200.
 - (iii) Keluarkan cek bernilai RM2 200 bagi menjelaskan baki pemiutang dan menerima diskaun sebanyak RM125.
 - (iv) Membayar gaji pekerja dengan tunai RM1 500.
 - (v) Ambilan stok untuk kegunaan sendiri bernilai RM520.
 - (vi) Membayar kadarbayaran terakru dengan tunai RM200.
- (a) Sediakan Kunci Kira-kira pada 31 Julai 2010.
(Semua pengiraan hendaklah ditunjukkan di luar Kunci Kira-kira) [11 markah]
 - (b) Berikan satu urus niaga yang menambahkan aset dan liabiliti perniagaan. [1 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

LAMPIRAN A

DOKUMEN PERNIAGAAN

ASAL

No: 5421

INVOIS

MEWAH ENTERPRISE
 No. 17 Taman Perdana Indah
 50604 Kuala Lumpur
 Tel: 03-62036100

Tarikh: 1 Jun 2010

Kepada:
 Pusat Jam Arman
 13 Jalan Laksamana
 36030 Teluk Intan
 Perak

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Jam tangan wanita	20 unit	420.00	8 400.00
2	Jam tangan lelaki	20 unit	550.00	11 000.00
3	Jam dinding	10 unit	180.00	1 800.00
				21 200.00
Tolak: Diskaun niaga 10 %				2 120.00
JUMLAH				19 080.00

(Ringgit Malaysia: Sembilan belas ribu lapan puluh sahaja)

Syarat : 5 % 7 hari, 3 % 14 hari
 Serahan : Angkutan dibayar
 K. & K. di K

Abdul Rahman
 Penerima

Hammer
 Pengurus

DOKUMEN 1

Tarikh : 2 Jun 2010
Penerima : Pusat Jam Arman
Kerana : Kegunaan perniagaan

	Ringgit	Sen
Baki akhir	30 000	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	30 000	00
Cek ini	2 000	00
Baki	28 000	00

No.: 282001

KERATAN CEK

DOKUMEN 2

SALINAN

No: 001

INVOIS

PUSAT JAM ARMAN
 13 Jalan Laksamana
 36030 Teluk Intan
 Perak
 Tel: 05-6229100

Tarikh: 4 Jun 2010

Kepada:
 Kedai Jam Nina
 12A Arked Teratai
 32000 Sitiawan
 Perak

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Jam tangan wanita	6 unit	600.00	3 600.00
2	Jam tangan lelaki	5 unit	720.00	3 600.00
Tolak: Diskaun niaga 10 %				7 200.00 720.00
JUMLAH				6 480.00

(Ringgit Malaysia: Enam ribu empat ratus lapan puluh sahaja)

Syarat : 5 % 7 hari, 3 % 14 hari
 Serahan : Angkutan dibayar
 K. & K. di K

Azmina
 Penerima

Abdul Rahman
 Pengurus

DOKUMEN 3

ASAL

No: 0029

INVOIS

ANEKA TRADING
 Lot 315, Jalan Utama
 11700 Pulau Pinang
 Tel: 04 - 6585010

Tarikh: 5 Jun 2010

Kepada:
 Pusat Jam Arman
 13 Jalan Laksamana
 36030 Teluk Intan
 Perak

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Jam dinding	10 unit	160.00	1 600.00
2	Jam loceng	10 unit	80.00	800.00
Tolak: Diskaun niaga 10 %				2 400.00 240.00
JUMLAH				2 160.00

(Ringgit Malaysia: Dua ribu satu ratus enam puluh sahaja)

Syarat : 5 % 7 hari, 3 % 14 hari
 Serahan : Angkutan dibayar
 K. & K. di K

Abdul Rahman
 Penerima

Thiraga
 Pengurus

DOKUMEN 4

SALINAN

NK 0001

NOTA KREDIT

PUSAT JAM ARMAN
 13 Jalan Laksamana
 36030 Teluk Intan
 Perak
 Tel: 05-6229100

Kepada
 Kedai Jam Nina
 12A Arked Teratai
 32000 Sitiawan
 Perak

Tarikh: 7 Jun 2010

Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Jam tangan wanita (Barangan dipulangkan kerana rosak)	1 unit	600.00	600.00
Tolak: Diskaun niaga 10 %				60.00
JUMLAH				540.00

(Ringgit Malaysia: Lima ratus empat puluh sahaja)

Abdul Rahman
 Pengurus

DOKUMEN 5

ASAL

ND : 2311

NOTA DEBIT

ANEKA TRADING
 Lot 315, Jalan Utama
 11700 Pulau Pinang
 Tel: 04 - 6585010

Tarikh: 8 Jun 2010

Kepada:
 Pusat Jam Arman
 13 Jalan Laksamana
 36030 Teluk Intan
 Perak

Akaun tuan telah didebitkan dengan perkara berikut:

BIL.	BUTIR	JUMLAH (RM)
1	Jam dinding (Terkurang caj RM20 seunit dalam invoice No. 0029)	200.00
	Tolak: Diskaun niaga 10%	20.00
	JUMLAH	180.00

(Ringgit Malaysia: Satu ratus lapan puluh sahaja)

Abdul Rahman
 Penerima

Thiraga
 Pengurus

DOKUMEN 6

SALINAN

No: 3001

RESIT RASMI**PUSAT JAM ARMAN**

13 Jalan Laksamana

36030 Teluk Intan

Perak

Tel: 05-6229100

Tarikh: 9 Jun 2010

Diterima daripada : Kedai Jam Nina

Ringgit Malaysia : Lima ribu enam ratus empat puluh tiga sahaja

(Diskaun tunai RM297)

Bayaran untuk : Menjelaskan invoice No. 001

RM5 643.00

Tunai / No. Cek : BPB 222210

Abdul Rahman
Pengurus

DOKUMEN 7**KEDAI MESRA**

16-06-2010

2.30PM

KERTAS A4 @6	8.00	48.00
PEN @10	4.50	45.00
DAWAI KOKOT @10	0.80	8.00
STAPLER @3	5.00	15.00

JUMLAH		116.00
TUNAI		120.00

BAKI		4.00
------	--	------

TERIMA KASIH

DOKUMEN 8

SALINAN				No.: 2001
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">BIL TUNAI</div>				
PUSAT JAM ARMAN 13 Jalan Laksamana 36030 Teluk Intan Perak Tel: 05-6229100				
Kepada Tan Times Sdn Bhd 31 900 Kampar, Perak				
				Tarikh: 18 Jun 2010
BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Jam tangan wanita	4	600.00	2400.00
2	Jam dinding	5	250.00	1 250.00
JUMLAH				3 650.00
(Ringgit Malaysia: Tiga ribu enam ratus lima puluh sahaja) Tunai / No.Cek : BCC342100				
<i>Abdul Rahman</i> Pengurus				

DOKUMEN 9


Tarikh	:	24 Jun 2010
Penerima	:	Pusat Komputer Utama
Kerana	:	Belian komputer riba

	Ringgit	Sen
Baki akhir	37 293	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	37 293	00
Cek ini	3 730	00
Baki	33 563	00

No.: 282002

KERATAN CEK

DOKUMEN 10

ASAL	No.: 4002
RESIT RASMI	
MEWAH ENTERPRISE No. 17 Taman Perdana Indah 50604 Kuala Lumpur Tel: 03-62036100	
Tarikh: 25 Jun 2010	
Diterima daripada	: Pusat Jam Arman
Ringgit Malaysia	: Lapan ribu sahaja
Bayaran untuk	: Menjelaskan sebahagian invoice
RM8 000.00	
Tunai / No. Cek :	BMM 282003
 Pengurus	

DOKUMEN 11

MEMO

PUSAT JAM ARMAN
13 Jalan Laksamana
36030 Teluk Intan
Perak
Tel: 05-6229100

Tarikh: 27 Jun 2010

Peringatan:

Pemilik mengambil 2 rim kertas A4 dan 2 batang pen berjumlah RM28 dari perniagaannya untuk kegunaan anaknya.

Abdul Rahman
Pengurus

DOKUMEN 12

No.: 001/2010

BAUCAR PEMBAYARAN

PUSAT JAM ARMAN
13 Jalan Laksamana
36030 Teluk Intan
Perak
Tel: 05-6229100

Tarikh: 29 Jun 2010

Kepada:
Syarikat Hartanah Al Ikhlas
18, Taman Berjaya
36000 Teluk Intan
Perak

BIL.	KETERANGAN	JUMLAH (RM)
1	Menjelaskan bayaran sewa premis bulan Jun 2010	850.00

(Ringgit Malaysia: Lapan ratus lima puluh sahaja)

Tunai / No.Cek:

Taufik
Penerima

Abdul Rahman
Pengurus

DOKUMEN 13